

AftaMed rawatan terbaru ulser mulut



GEL mulut AftaMed

PHARMANIAGA Bhd memperkenalkan AftaMed, produk inovasi terbaru berupa gel mulut untuk membantu mengurangkan kesakitan berkaitan ulser mulut.

Produk hasil kajian sya-

rikat itu mengandungi asid hyaluronic, bahan asli yang boleh dijumpai dalam tisu penyambung dalam badan.

Dalam satu kenyataan, Pharmaniaga berkata asid berkenaan digunakan sejak bertahun-tahun lalu oleh

pengamal perubatan untuk meningkatkan pertumbuhan semula tisu penyambung di seluruh tubuh manusia.

Bagaimanapun, penggunaan asid hyaluronic berkenaan dalam merawat ulser 'aphthous' dan 'lichen planus' mulut, dilihat sebagai satu penemuan baru yang begitu bermakna.

Katanya, dalam ujian klinikal berkaitan ulser aphthous berulang, penggunaan AftaMed yang kerap mampu mengurangkan ketidakselesaan dan kesakitan disebabkan ulser berkenaan, selain mempercepatkan proses penyembuhan, mengurangkan risiko ulser berlaku lagi dan mengurangkan dengan ketara kemunculan ulser baru.

Selain Malaysia, Pharmaniaga turut memegang hak pengedaran AftaMed di tujuh negara, termasuk Singapura, Brunei, Indonesia, Kemboja, Thailand, Vietnam dan Filipina.

Pengarah Urusan Pharmaniaga, Mohamad Abdullah, berkata AftaMed adalah satu lagi produk yang diketengahkan syarikat pengeluaran dan pengedaran produk farmaseutikal itu, sejajar komitmennya untuk meningkatkan kualiti hidup pengguna.